NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 66
No. 16

**1hb Ogos 2013**

*TAMBAHAN No. 16*
*PERUNDANGAN*

**Sel. P.U. 62.**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN BAGI MUALLAF (NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 122(2)(i) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1/2003*], Majlis, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran bagi Muallaf (Negeri Selangor) (Pindaan) 2013.**

**Pindaan am**

2. Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran bagi Mualaf (Negeri Selangor) 2009 [*Sel. P.U. 14/2009*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan perkataan "mualaf" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "muallaf".

**Pindaan peraturan 2**

3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam takrif "Pendaftar Mualaf", dengan memasukkan selepas perkataan "Enakmen" perkataan "termasuk Ketua Pendaftar Muallaf".

**Pindaan peraturan 4**

4. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(*a*) dengan menggantikan perenggan (1)(*c*) dengan perenggan yang berikut:

"(*c*) enam orang anggota atas nama jawatan yang hendaklah terdiri daripada orang yang pada masa itu memegang jawatan yang berikut:

(i) Mufti atau wakilnya;

(ii) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya;

(iii) Ketua Polis Negeri atau wakilnya;

(iv) Penasihat Undang-Undang Majlis;

(v) Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah; dan

(vi) Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor atau apa-apa nama lain yang diberikan yang merujuk kepada ketua organisasi Lembaga Zakat Selangor;"; dan

(*b*) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan sebelum perkataan "Pendaftar" perkataan "Ketua".

**Pindaan peraturan 9**

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 9 dengan peraturan yang berikut:

"**Fungsi Jawatankuasa**

9. Fungsi Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:

(*a*) membantu menasihati Majlis dalam apa-apa perkara yang berkaitan dengan pendaftaran, penjagaan dan pengajaran bagi muallaf;

(*b*) meluluskan dasar-dasar berkenaan dengan hal ehwal muallaf;

(*c*) mengemukakan syor dan cadangan yang berkaitan dengan hal ehwal muallaf kepada Majlis;

(*d*) memantau pelaksanaan pendaftaran, penjagaan dan pengajaran muallaf serta apa-apa aktiviti muallaf;

(*e*) menyemak dan memperakukan laporan tahunan berkaitan dengan hal ehwal muallaf yang disediakan oleh Jabatan sebelum dikemukakan kepada Majlis;

(*f*) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang berhubungan atau bersampingan dengan fungsi Jawatankuasa; dan

(*g*) menjalankan apa-apa kuasa atau fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.".

**Pindaan peraturan 12**

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 12 dengan peraturan yang berikut:

"**Notis**

12. (1) Suatu notis bertulis hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Pengerusi boleh memanggil suatu mesyuarat dengan memberikan notis yang lebih singkat jika difikirkannya perlu.".

**Pindaan peraturan 16**

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 16 dengan peraturan yang berikut:

"**Elaun**

16. (1) Tiap-tiap anggota Jawatankuasa termasuk Setiausaha boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Majlis boleh membayar apa-apa elaun kepada mana-mana orang lain yang menghadiri mesyuarat di bawah peraturan 14.".

**Pindaan peraturan 25**

8. Peraturan 25 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

*(a)* dengan menggantikan perkataan "Majlis" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Jawatankuasa";

*(b)* dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan "layak" perkataan "dipertimbangkan"; dan

*(c)* dalam perenggan (2)*(a)*, dengan memotong perkataan "oleh Majlis".

**Pindaan peraturan 26**

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 26 dengan peraturan yang berikut:

"**Perlindungan**

26. (1) Majlis boleh menyediakan apa-apa bentuk perlindungan yang difikirkannya perlu kepada muallaf.

(2) Jawatankuasa boleh meluluskan penempatan dan apa-apa bentuk perlindungan yang difikirkannya perlu kepada muallaf.

(3) Walau apa pun subperaturan (1) dan (2), Ketua Pendaftar Muallaf boleh menempatkan muallaf di mana-mana tempat atau menyebabkan disediakan apa-apa bentuk perlindungan kepada mereka yang sebagaimana difikirkannya sesuai dan wajar.".

**Pindaan peraturan 27**

10. Peraturan 27 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

*(a)* dalam subperaturan 27(2), dengan menggantikan perkataan "kursus bimbingan asas" dengan perkataan "apa-apa bentuk pengajaran dan bimbingan asas"; dan

*(b)* dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

"(3A) Majlis boleh menyediakan apa-apa bentuk pendidikan lanjut kepada muallaf.".

**Pindaan peraturan 30**

11. Peraturan 30 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan "Bahagian V dan VI".

**Peraturan baru 33A**

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 33 peraturan yang berikut:

"**Pengesahan status agama muallaf**

33A. Setiap permohonan pengesahan status agama muallaf hendaklah dibuat di Mahkamah Tinggi Syariah melalui suatu permohonan di bawah Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 4/2003*].".

**Peraturan baru 34A**

13. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 34 peraturan yang berikut:

"**Peralihan**

34A. Semua borang yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang dimansuhkan menurut kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus berkuat kuasa setakat yang borang itu tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan ini sehingga dibatalkan atau digantikan di bawah Peraturan-Peraturan ini.".

**Pindaan Jadual**

14. Jadual kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

*(a)* dengan menggantikan Borang A dengan borang yang berikut:

**BORANG A**

[Subperaturan 20(1) dan 21(1)]

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN BAGI MUALLAF (NEGERI SELANGOR) 2009

| Empat Keping Gambar Ukuran Pasport |
|---|

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**
**BORANG PENGISYTIHARAN DAN PENDAFTARAN MEMELUK AGAMA ISLAM**

[illegible]

Nama Asal: ..........................................................................................................................

No. Kad Pengenalan/Pasport: ............................................... Umur:.........................................

Tarikh Lahir: ...........................................Tempat Lahir: .........................................................

Warganegara: ........................................... Keturunan: .............................................................

Agama Asal: ...........................................Tahap Pendidikan: ...................................................

Bahasa Pertuturan: (1) .......................... (2) ............................... (3) .....................................

Alamat Surat Menyurat: ....................................................................................................

Alamat Tetap: ...................................................................................................................

No. Telefon (Rumah/Pejabat/Bimbit): .................................................................................

Pekerjaan: ............................................................. Pendapatan Bulanan: RM .........................

Alamat Majikan: ...............................................................................................................

Status Perkahwinan: ..........................................................................................................

Nama Isteri/Suami: ............................................................................................................

No. Kad Pengenalan/Pasport: ............................................................ Agama:........................

MAKLUMAT KANAK-KANAK

| Nama Asal | Nama Baru (jika ada) | No. Sijil Kelahiran/ No. Kad Pengenalan/ No. Pasport | Hubungan |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

[redacted]

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[redacted]

Bahawasanya dengan suci hati dan dengan kehendak hati sendiri, tiada kerana dipaksa atau dipujuk, hanya dengan petunjuk ALLAH, saya/kami berikrar dan mengisytiharkan;

1. Saya/kami mengaku bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan saya/kami bersaksi bahawa Nabi Muhammad adalah utusan ALLAH.

2. Bahawa saya/kami adalah seorang yang beragama Islam selama-lamanya.

3. Bahawa saya/kami tidak sekali-kali akan keluar daripada agama Islam.

4. Bahawa saya/kami akan berpegang teguh dan patuh dengan ajaran Islam hingga ke akhir hayat saya.

5. Bahawa saya/kami mengamanahkan pihak MAIS menguruskan jenazah saya setelah saya meninggal dunia.

6. Bahawa saya/kami mengaku perkara-perkara yang tersebut dalam borang ini adalah benar dan saya/kami sedar bahawa saya/kami tertakluk kepada Hukum Syarak, peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Dengan ini, saya/kami memohon untuk didaftarkan pengislaman saya/kami dalam Daftar Mualiaf Negeri Selangor.

| | |
|---|---|
| ............................................ | ............................................ |
| Tandatangan<br>Pegawai Yang Mengislamkan | Tandatangan dan Cap Ibu Jari<br>Yang Memeluk Agama Islam |
| Tarikh: ................................ | Tarikh: .................................... |

Nama Islam: ..........................................................................................................

Diislamkan oleh: ............................................ No. Kad Pengenalan: .......................................

Alamat: ..............................................................................................................

..........................................................................................................................

No. Telefon: ....................................

| **Saksi Pertama:** | **Saksi Kedua:** |
|---|---|
| Nama: ........................................................ | Nama: ............................................................ |
| No. Kad Pengenalan:................................... | No. Kad Pengenalan: ....................................... |
| Alamat: ..................................................... | Alamat: ......................................................... |
| ................................................................. | ..................................................................... |
| ................................................................. | ..................................................................... |
| No. Telefon: ............................................. | No. Telefon: .................................................... |
| Tarikh: ...................................................... | Tarikh: ........................................................... |

***Potong mana-mana yang tidak berkenaan**

Bil. Daftar: ........................................
(Diisi oleh Pembantu Tadbir)

**Catatan Ketua Pendaftar Muallaf/Pendaftar Muallaf:**

Tarikh Pengislaman: ......................................

Ulasan:

.........................................................................................................................................

.........................................................................................................................................

.........................................................................................................................................

Cop Rasmi

..........................................
*Tandatangan*
*Ketua Pendaftar Muallaf/Pendaftar Muallaf*

(*b*) dengan menggantikan Borang B dengan borang yang berikut:

**BORANG B**

[Subperaturan 21(2)]

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN BAGI MUALLAF (NEGERI SELANGOR) 2009

| Gambar Ukuran Pasport |
|---|

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**
**BORANG PENDAFTARAN MEMELUK AGAMA ISLAM BAGI KANAK-KANAK**

Nama Asal: ..................................................................................................................

No. Kad Pengenalan/Pasport: .......................... Warna: ...................... Bangsa: ......................

Agama Asal: ............................ Umur: ..................... Kewarganegaraan: ...............................

Tarikh Lahir: .............................. Tempat Lahir: ........................ Negeri: .............................

Alamat Tetap: ..............................................................................................................

Alamat Surat Menyurat: ..............................................................................................

Taraf perkahwinan: .......................................... Nama suami/isteri: ..........................................

No. Kad Pengenalan/Pasport: .......................................................................................

Alamat suami/isteri: .....................................................................................................

Nama *ibu/bapa/penjaga: .............................................................................................

No. Kad Pengenalan/No. Pasport: ......................................... Bangsa: ....................................

Agama: ....................................... Kewarganegaraan: ................... Tarikh Lahir: .....................

Tempat Lahir: ....................................................... Negeri: .....................................................

Alamat Tetap: ..............................................................................................................

Alamat Surat Menyurat: ..............................................................................................

Penjaga sesudah Islam: ...............................................................................................

Alamat Penjaga: ...........................................................................................................

Pekerjaan Penjaga: .......................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

Saya bersetuju untuk menggunakan nama baru yang berikut:

..................................................................................................................................

***Kami/Saya, ibu atau bapa/penjaga** kepada kanak-kanak yang di bawah jagaan **kami/saya** sebagaimana yang tersebut di atas, mengizinkannya memeluk agama Islam. **Kami/Saya** turunkan cap ibu jari tangan kanan **kami/saya** di bawah ini di hadapan dua orang saksi.

**Kami/Saya** mengesahkan bahawa semua kenyataan yang dinyatakan di atas adalah benar dan **kami/saya** faham segala yang terkandung di dalamnya.

(Cap Ibu Jari Kanan ibu) ............................ (Tandatangan)

(Cap Ibu Jari Kanan bapa) ............................ (Tandatangan)

TARIKH: ..........................

TARIKH: ..................................

(Cap Ibu Jari Kanan penjaga) .............................. (Tandatangan)

TARIKH: ..................................

Bahawasanya dengan suci hati dan dengan kehendak hati sendiri, tiada kerana dipaksa atau dipujuk, hanya dengan petunjuk ALLAH, saya berikrar dan mengisytiharkan;

1. Saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan saya bersaksi bahawa Nabi Muhammad adalah utusan ALLAH.

2. Bahawa saya adalah seorang yang beragama Islam selama-lamanya.

3. Bahawa saya tidak sekali-kali akan keluar daripada agama Islam.

4. Bahawa saya akan berpegang teguh dan patuh dengan ajaran Islam hingga ke akhir hayat saya.

5. Bahawa saya mengamanahkan pihak MAIS menguruskan jenazah saya setelah saya meninggal dunia.

6. Bahawa saya mengaku perkara-perkara yang tersebut dalam borang ini adalah benar dan saya sedar bahawa saya tertakluk kepada Hukum Syarak, peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Dengan ini, saya memohon untuk didaftarkan pengislaman saya dalam Daftar Muallaf Negeri Selangor.

(Cap Ibu Jari Kanan kanak-kanak) .............................. TARIKH: ......................
(Tandatangan)

.......................................
Tandatangan
Pegawai Yang Mengislamkan TARIKH: ......................

Nama Islam: ..........................................................................................

Diislamkan oleh: ........................................ No. Kad Pengenalan: ..........................................

Alamat: ..........................................................................................

..........................................................................................

No. Telefon: ......................................................

| **Saksi Pertama:** | **Saksi Kedua:** |
|---|---|
| Nama: ...................................................... | Nama: ...................................................... |
| No. Kad Pengenalan:................................. | No. Kad Pengenalan: ...................................... |
| Alamat: ...................................................... | Alamat: ...................................................... |
| ...................................................... | ...................................................... |
| ...................................................... | ...................................................... |
| No. Telefon: ............................................... | No. Telefon: ............................................... |
| Tarikh: ...................................................... | Tarikh: ...................................................... |

***Potong mana-mana yang tidak berkenaan***

**Catatan Ketua Pendaftar Muallaf/Pendaftar Muallaf:**

Tarikh Pengislaman: ......................................

Ulasan:

.......................................................................................................................................................

.......................................................................................................................................................

Cop Rasmi

..............................................
*Tandatangan*
*Ketua Pendaftar Muallaf/Pendaftar Muallaf*

*(c)* dengan menggantikan Borang C dengan borang yang berikut:

**BORANG C**

[Subperaturan 23(1)]

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PENJAGAAN DAN PENGAJARAN BAGI MUALLAF (NEGERI SELANGOR) 2009

PERAKUAN MEMELUK AGAMA ISLAM

**Bil. Daftar: xxxxxx/xxxx**

**GAMBAR UKURAN PASPORT**

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

**PERAKUAN MEMELUK AGAMA ISLAM**

Majlis Agama Islam Selangor

Nama Asal:

Nama Islam:

No. K/P.: Jantina:

Tarikh Lahir: Bangsa:

No. Ruj: xxxx/xxx/xxxx/xx

Tarikh Memeluk Agama Islam:

Tarikh Pendaftaran:

Alamat:

Kad ini dikeluarkan kepada orang yang memeluk agama Islam dan didaftarkan dalam Daftar Muallaf Negeri Selangor berdasarkan Seksyen 111 dan 112 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Sebagai Perakuan Memeluk Agama Islam

..........................................................................

Ketua Pendaftar Muallaf Selangor
Majlis Agama Islam Selangor

Dibuat 3 Julai 2013
[MAIS/SU/BUU/02/011/34; P.U. Sel. Am 0056/12]

DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN HAJI MOHD ISA
*Pengerusi*
*Majlis Agama Islam Selangor*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

REGISTRATION, CARE AND TEACHING FOR MUALLAFS
(STATE OF SELANGOR) (AMENDMENT) 2013

IN exercise of the powers conferred by paragraph 122(2)*(i)* of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment No. 1/2003*], the Majlis, with the approval of His Royal Highness the Sultan, makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Registration, Care and Teaching for Muallafs (State of Selangor) (Amendment) Regulations 2013**.

**General amendment**

2. The Registration, Care and Teaching for Mualafs (State of Selangor) Regulations 2009 [*Sel. P.U. 14/2009*], which are referred to as the "principal Regulations" in these Regulations, are amended by substituting for the word "mualaf" wherever it appears the word "muallaf".

**Amendment of regulation 2**

3. Regulation 2 of the principal Regulations is amended in the definition of "Registrar of Mualafs", by inserting after the word "Enactment" the words "including the Head of Registrar of Muallafs".

**Amendment of regulation 4**

4. Regulation 4 of the principal Regulations is amended—

*(a)* by substituting for paragraph (1)*(c)* the following paragraph:

"*(c)* six members who for the time being are holding the following offices:

(i) the Mufti or his Representative;

(ii) the State Legal Adviser or his Representative;

(iii) the State Police Chief or his Representative;

(iv) the Legal Adviser of Majlis;

(v) the Chief Registrar of Syariah Court; and

(vi) the Chief Executive Officer of Lembaga Zakat Selangor or any other names assigned which refers to head of organization of Lembaga Zakat Selangor;"; and

*(b)* in subregulation (2), by inserting before the word "Registrar" the word "Chief".

**Amendment of regulation 9**

5. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 9 the following regulation:

"**Functions of the Committee**

9. The functions of the Committee shall be as follows:

*(a)* assisting in advising the Majlis on any matter related to the registration, care and teaching for muallafs;

*(b)* approving the policies in respect of the affairs of muallafs;

*(c)* providing recommendation and proposal related to the affairs of muallafs to the Majlis;

*(d)* monitoring the implementation of registration, care and teaching for muallafs and any activities of muallafs;

*(e)* revising and certifying the annual report related to the affairs of muallafs, prepared by the Department before submitting the same to the Majlis;

*(f)* performing any other functions relating or incidental to the functions of the Committee; and

*(g)* exercising any other powers or functions as directed by the Majlis from time to time.".

**Amendment of regulation 12**

6. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 12 the following regulation:

"**Notice**

12. (1) A written notice shall be issued at least seven days before the meeting.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Chairman may convene a meeting by giving shorter notice if he thinks necessary.".

**Amendment of regulation 16**

7. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 16 the following regulation:

"**Allowance**

16. (1) Every Committee member including the Secretary may be paid any allowance as determined by the Majlis.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Majlis may pay any allowance to any other persons who attends meeting under regulation 14.".

**Amendment of regulation 25**

8. Regulation 25 of the principal Regulations is amended—

*(a)* by substituting for the word "Majlis" wherever it appears the word "Committee";

*(b)* in subregulation (1), by inserting after the word "eligible" the words "for consideration"; and

*(c)* in paragraph (2)*(a)*, by deleting the words "by the Majlis".

**Amendment of regulation 26**

9. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 26 the following regulation:

"**Protection**

26. (1) The Majlis may provide any form of protection as it may think necessary to muallafs.

(2) The Committee may approve placement of muallafs and any form of protection as it may think necessary to muallafs.".

(3) Notwithstanding subregulations (1) and (2), the Chief Registrar of Muallafs may place muallafs at any place or cause to be provided any form of protection to them as he may think appropriate and reasonable.".

**Amendment of regulation 27**

10. Regulation 27 of the principal Regulations is amended—

*(a)* in subregulation 27(2), by substituting for the words "the basic guidance course" the words "any form of teaching and the basic guidance"; and

*(b)* by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

"(3A) The Majlis may provide any form of further education to muallafs.".

**Amendment of regulation 30**

11. Regulation 30 of the principal Regulations is amended by deleting the words "Parts V and VI of".

**New regulation 33A**

12. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 33 the following regulation:

"**Confirmation on religion status of muallafs**

33A. Each application for confirmation on religion status of muallafs shall be made in Syariah High Court by an application under the Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment No. 4/2003*].".

**New regulation 34A**

13. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 34 the following regulation:

"**Transitional**

34A. All forms issued or made under or by virtue of any provision of written law repealed by virtue of these Regulations shall continue to remain in force insofar as such forms are consistent with these Regulations until revoked or replaced under these Regulations.".

**Amendment of Schedule**

14. Schedule of the principal Regulations are amended—

(*a*) by substituting for Form A with the following form:

**FORM A**

[Subregulations 20(1) and 21(1)]

REGISTRATION, CARE AND TEACHING FOR MUALLAFS (STATE OF SELANGOR) REGULATIONS 2009

| Four Copies of Passport Size Photos |
|---|

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**
**DECLARATION AND REGISTRATION FORM FOR CONVERSION TO THE RELIGION OF ISLAM**

Original Name. ..........................................................................................................

Identity Card/Passport No.: ..............................................Age: ..............................................

Date of Birth: ............................................ Place of Birth: .....................................................

Nationality: ....................................................... Race: .........................................................

Former Religion: ....................................... Level of Education: .............................................

Language Spoken: (1) ............................ (2) ........................... (3) .......................................

Postal Address: ..........................................................................................................

Permanent Address: ....................................................................................................

Telephone No. (Residential/Office/Mobile): ..........................................................................

Occupation: ................................................................. Monthly Income: RM.........................

Employer's Address: ......................................................................................................

Marital Status: ................................................................................................................

Name of Wife/Husband: ..................................................................................................

Identity Card/Passport No.: ........................................ Religion: ..............................................

**PARTICULARS OF CHILD**

| Original Name | New Name (if any) | Birth Certificate No./ Identity Card No./ Passport No. | Relation |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

[illegible]

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[illegible]

Whereas in good faith and of my own free will, not by force or persuasion, only with the guidance of ALLAH, I/we pledge and declare—

1. I/we declare that there is no God worthy to be worshipped except for Allah, and I/we bear witness that Prophet Muhammad is messenger of ALLAH.

2. That I/we embrace the religion of Islam for all eternity.

3. That I/we will never leave the religion of Islam.

4. That I/we will hold firmly and obey the teaching of Islam until the end of my life.

5. That I/we entrusted MAIS with the management of my dead body upon my death.

6. That I/we declare that the details mentioned in this form are true and I/we am/are aware that I/we am/are subject to the Hukum Syarak, regulations and laws currently in force.

Therefore, I/we request that my/our conversion be registered in the Register of Muallafs in the State of Selangor.

| | |
|---|---|
| ............................................ | ................................................ |
| Signature<br>Conversion Officer | Signature and Thumbprint<br>The Convert |
| Date: ................................. | Date: ..................................... |

Muslim Name: ..........................................................................................................

Converted by: ...................................... Indentity Card No.: ....................................

Address: .................................................................................................................

..................................................................................................................

Telephone No.: ...................................

**First Witness:**

Name: ..........................................................

Identity Card No.: ......................................

Address: ......................................................

..................................................................

..................................................................

Telephone No.: ...........................................

Date: ............................................................

**Second Witness:**

Name: ..........................................................

Identity Card No.: ......................................

Address: ......................................................

..................................................................

..................................................................

Telephone No.: ...........................................

Date: ............................................................

***Delete whichever inapplicable***

Registration No.: ........................................
(To be filled in by Administrative Assistant)

**Remarks by Chief Registrar of Muallafs/Registrar of Muallafs:**

Conversion Date: ......................................

Comment:

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

Official Seal

..........................................................
*Signature*
*Chief Registrar of Muallafs/Registrar of Muallafs*

*(b)* by substituting for Form B with the following form:

**FORM B**

[Subregulation 21(2)]

REGISTRATION, CARE AND TEACHING FOR MUALLAFS (STATE OF SELANGOR)
REGULATIONS 2009

Passport Size
Photo

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**
**APPLICATION FORM FOR CONVERSION TO THE RELIGION**
**OF ISLAM OF A CHILD**

[illegible]

Original Name: .......................................................................................................

Identity Card/Passport No.: ........................ Colour: .......................... Race: ..........................

Former Religion: ....................................... Age: ............................ Nationality: .................

Date of Birth: ............................................ Place of Birth: ............. State: ..........................

Permanent Address: .................................................................................................

Postal Address: ........................................................................................................

Marital Status: ....................................................... Name of husband/wife: ...........................

Identity Card/Passport No.: ......................................................................................

Address of husband/wife: .........................................................................................

Name *mother/father/guardian: ...............................................................................

Identity Card/Passport No.: ................................................ Race: ..........................................

Religion: ....................................... Nationality: .......................... Date of Birth: ...................

Place of Birth: ................................................................ State: ..............................................

Permanent Address: .................................................................................................

Postal Address: ........................................................................................................

Guardian after conversion to the religion of Islam: ...................................................

Guardian's Address: .................................................................................................

Guardian's Occupation: ............................................................................................

[redacted]

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

I agree to use the following new name:

..........................................................................................................................

[redacted]

***We/I, the mother or father/guardian** of the child under our/my care as stated above, permit him/her to convert to the religion of Islam. We/I affix our/my right-hand thumbprint below in the presence of two witnesses.

**We/I** confirm that all statements stated above are true and **we/I** understand all details contained therein.

(Right-Hand Thumbprint of mother) ..............
(Signature)

(Right-Hand Thumbprint of father) .............
(Signature)

DATE: ...........................

DATE: ...........................

(Right-Hand Thumbprint of guardian) ...............................
(Signature)

DATE: ..........................

[redacted]

Whereas in good faith and of my own free will, not by force or persuasion, only with the guidance of ALLAH, I pledge and declare—

1. I declare that there is no God worthy to be worshipped except for Allah, and I bear witness that Prophet Muhammad is messenger of ALLAH.

2. That I embrace the religion of Islam for all eternity.

3. That I will never leave the religion of Islam.

4. That I will hold firmly and obey the teaching of Islam until the end of my life.

5. That I entrusted MAIS with the management of my dead body upon my death.

6. That I declare that the details mentioned in this form are true and I am aware that I am subject to the Hukum Syarak, regulations and laws currently in force.

Therefore, I request that my conversion be registered in the Register of Muallafs in the State of Selangor.

(Right-Hand Thumbprint of child) .............................. DATE: .......................
(Signature)

.........................................
Signature
Conversion Officer DATE: .......................

Muslim Name: ..........................................................................................................................

Converted by: ............................................................... Identity Card No.: .............................

Address: ..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

Telephone No.: .....................................................

| **First Witness:** | **Second Witness:** |
| --- | --- |
| Name: .................................................... | Name: ................................................................ |
| Identity Card No.: .................................. | Identity Card No.: ................................................ |
| Address: ............................................... | Address: ............................................................. |
| ............................................... | ............................................................. |
| ............................................... | ............................................................. |
| Telephone No.: ...................................... | Telephone No.: ..................................................... |
| Date: ...................................................... | Date: .................................................................. |

**Delete whichever inapplicable*

**Remarks by Chief Registrar of Muallafs/Registrar of Muallafs:**

Conversion Date: ..................................

Comment:

.......................................................................................................................................

.......................................................................................................................................

Official Seal

..........................................................
*Signature*
*Chief Registrar of Muallafs/ Registrar of Muallafs*

*(c)* by substituting for Form C with the following form:

**FORM C**

[Subregulation 23(1)]

REGISTRATION, CARE AND TEACHING FOR MUALLAFS (STATE OF SELANGOR) REGULATIONS 2009

CERTIFICATE OF CONVERSION TO THE RELIGION OF ISLAM

**Registration No.: xxxxxx/xxxx**

**PASSPORT SIZE PHOTO**

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

**CERTIFICATE OF CONVERSION TO THE RELIGION OF ISLAM**

Original Name:

Muslim Name:

I/C No.: Sex:

Date of Birth: Race:

Ref. No.: xxxx/xxx/xxxx/xx

Date of Conversion to the
Religion of Islam:

Date of Registration:

Address:

This Card is issued to the person who converts to the religion of Islam and registered in the Register of Muallafs in the State of Selangor in accordance with Sections 111 and 112 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 As Certificate of Conversion to the Religion of Islam

.....................................................................
Chief Registrar of Muallafs Selangor
Majlis Agama Islam Selangor

Made 3 July 2013
[MAIS/SU/BUU/02/011/34; P.U. Sel. Am 0056/12]

DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN HAJI MOHD ISA
*Chairman*
*Majlis Agama Islam Selangor*